AUTHOR: Alzahrin Alias SECTION: BISNES AUDIENCE : 82,252 PAGE: 21 PRINTED SIZE: 396.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 13,202 WORDS: 484
ITEM ID: DP0122435603



05 NOV, 2026

Kerajaan tak mahu pusat data jejas industri lain

Berita Harian (MY), Malaysia

Kerajaan tak mahu pusat data jejas industri lain

Pembangunan perlu seimbangkan keupayaan menyediakan bekalan tenaga, air mencukupi

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pembangunan pusat data di negara ini perlu mengambil kira keperluan sekitar 28 sektor industri sedia ada, manfaat sumber gas negara selain memperluas penggunaan tenaga boleh baharu.

Mengulas mengenai kesediaan Malaysia menerima lebih banyak pelaburan pusat data, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata kerancakan pembangunan kemudahan itu perlu diseimbangkan dengan keupayaan negara menyediakan bekalan tenaga dan air mencukupi, tanpa menjejaskan keperluan sektor industri sedia ada yang menjadi tonggak ekonomi.

Katanya, kerajaan mahu memastikan kemasukan pelaburan dalam sektor infrastruktur digital itu tidak mewujudkan persaingan mendapatkan sumber asas, khususnya tenaga elektrik sehingga menjejaskan operasi industri lain.

"Jika kita tidak membangunkan infrastruktur ini, kita akan ketinggalan. Sebab itu kita perlu menggalakkan pelabur datang dan membangunkan infrastruktur itu.

"Kerajaan sendiri tidak mempunyai dana mencukupi untuk membina semua infrastruktur ini. Pelabur yang mempunyai kemampuan kewangan ialah pihak swasta dan pelabur dari luar negara," katanya kepada media pada AWS Cloud and AI Day 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

Johari berkata, Malaysia turut mempunyai peluang memanfaatkan kedudukannya sebagai pengeksport gas kelima terbesar dunia dengan menggunakan sebahagian sumber itu untuk menjana tenaga elektrik bagi memenuhi keperluan pusat data.

Katanya, Tenaga Nasional Bhd (TNB) berperanan menyediakan bekalan elektrik diperlukan, namun peningkatan permintaan daripada pusat data perlu disokong kapasiti penjanaan tambahan supaya bekalan kepada industri sedia ada tidak terjejas.

"Daripada hanya mengeksport gas ke negara lain, kita juga boleh memanfaatkan sebahagian sumber itu untuk menjana tenaga elektrik bagi menyokong operasi pusat data. Kita tidak semestinya perlu melaksanakan semuanya sendiri, sebaliknya perlu memanfaatkan sumber dan keupayaan yang ada," katanya.

Bangunkan ekonomi digital

Sementara itu, Johari berkata, pusat data merupakan antara infrastruktur penting dalam membangunkan ekonomi digital negara.

Menurutnya, ketika ini sebanyak 117 pusat data diluluskan di Malaysia dengan jumlah permintaan tenaga maksimum kira-kira 23,500 megawatt (MW) dan Malaysia terus menarik pelaburan yang besar dalam sektor itu.



Johari bersama Pengarah Urusan AWS bagi ASEAN, Jeff Johnson (kiri) pada pada AWS Cloud and AI Day 2026 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Katanya, projek pusat data dan pengkomputeran awan menyumbang RM95.8 bilion atau hampir 44 peratus daripada keseluruhan pelaburan diluluskan pada separuh pertama 2026, meningkat hampir 12 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Pelaburan ini membawa manfaat ekonomi secara langsung dengan mewujudkan permintaan terhadap bekalan elektrik dan infrastruktur, membuka peluang kepada syarikat kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) selain menyokong pewujudan pekerjaan khusus berkemahiran tinggi.

"Malah, kerajaan juga sentiasa mengambil kira kebimbangan munasabah masyarakat berhubung perkembangan pesat pembinaan pusat data, khususnya berkaitan keperluan penggunaan elektrik dan air yang tinggi.

"Pendekatan kita perlu memastikan pertumbuhan pelaburan dapat diseimbangkan dengan jaminan keselamatan sumber serta tanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya.

Johari berkata, menerusi Pasukan Petugas Pusat Data (DCTF), kerajaan bekerjasama dengan agensi berkaitan dan kerajaan negeri bagi menilai keperluan bekalan serta memperkukuh piawaian kecekapan penggunaan tenaga, kecekapan penggunaan air dan kecekapan penggunaan karbon.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.